

# **Pingat Hang Tuah untuk Farid**

Dianugerahkan kerana keberaniannya menyelamatkan rakan-rakan dalam kejadian kebakaran di asrama

NORJULIANA YAACOB

**PENDANG** - Meskipun baru berusia 12 tahun, namun sikap berani yang dimilikinya membuatkan dia dianugerahkan Pingat Hang Tuah sempena sambutan Hari Kanak-Kanak peringkat Kedah di Pusat Aktiviti Kanak-Kanak di Felda Sungai Tiang, kelmarin.

Muhamad Farid Iskandar Mohd Zulkarnain mendapat anugerah berkenaan berikutan keberaniannya menyelamatkan rakan-rakannya dalam tragedi kebakaran yang berlaku di asrama Maahad Tahfiz Al Quran Wartarbiyatul Islamiyah, Baling pada 6 Ogos lalu.

"Saya ikhlas tolong kawan saya dan tak sangka akan dapat

**INFO**

• Terima RM1,500, plak dan sijil penghargaan

anugerah ini," katanya ketika ditemui majlis berkenaan, kelmarin.

Menurutnya, ketika kejadian itu, dia terjaga dari tidur sekitar jam 1 pagi dan ternampak kepulan asap.

"Saya teruskejutkan enam kawan untuk bangun tidur dan berlari keluar dari bangunan.

"Masa nak turun dari tingkat tiga, salah seorang kawan terjatuh dan saya berusaha memapahnya untuk turun bersama," katanya.

Katanya, selepas selesai menyelamatkan rakan dia mengambil baldi untuk



**MUHAMAD FARID**

mengangkut air sambil dibantu rakan lain tetapi disebabkan api terlalu marak mereka tidak boleh memadamkan kebakaran.

Dalam majlis itu, Farid turut menerima wang tunai RM1,500, plak dan sijil penghargaan sempena anugerah berkenaan.



Muhamad Farid menerima anugerah Hang Tuah daripada Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pertanian dan Industri Asas Tani dan Pembangunan Usahawan Kedah, Datuk Suraya Yaacob.